

# Saya serah kepada PM — Daim

Oleh FAUZI JAAFAR

UM - 6 JUN 2000  
KUALA LUMPUR 5 Jun — Tun Daim Zainuddin hari ini enggan mengulas khabar angin mengenai peletakan jawatannya sebagai Menteri Kewangan dan Menteri Tugas-Tugas Khas dan turut menafikan wujudnya krisis antara beliau dan Perdana Menteri. Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

“Itu terpulang kepada Perdana Menteri, jika PM suruh saya berhenti, saya akan berhenti,” kata beliau mengulas mengenai khabar angin tersebut.

Beliau memberitahu, Majlis Tinggi akan bermesyuarat hari ini dan biarlah ia membuat keputusan sama ada mengekalkan jawatannya di dalam parti, kabinet dan kerajaan atau sebaliknya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan seminar dua hari ‘Penguatan Dasar-dasar Makroekonomi bagi Ekonomi Malaysia’ di sini.

Malah beliau menjelaskan semua berita-berita tentang dirinya dan PM adalah ‘khabar angin’ yang tidak berasas.

Dalam pada itu, mesyuarat MT petang ini dikatakan tidak mem-

bincangkan mengenai soal itu dan Daim sebaliknya dilantik semula sebagai Bendahari UMNO.

Ditanya sama ada Menteri Kewangan itu telah berpuas hati dengan kerjanya, beliau berkata, “kebanyakan telah selesai... tapi kerja tetap tidak akan selesai, kaedah bar-u sentiasa ada, proses akan berterusan tanpa penyelesaian,” katanya.

Malah beliau memberitahu kepuasan dalam kerjanya ialah apabila Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tahunan akan mencapai iapan peratus seperti sebelum kegawatan.

Menteri Kewangan itu juga menjelaskan, tidak wujud pergeseran di dalam membuat dasar dengan Perdana Menteri kerana beliau bertugas sebagai penasihat dan PM yang akan memutuskannya.

Malah Malaysia kini mempunyai ramai tokoh yang berkaliiber bagi menggantikan tugas-tugas beliau sebagai Menteri Kewangan jika berhenti daripada jawatan itu, tambahnya.

“Saya boleh namakan lebih 100 orang yang boleh menggantikan tugas saya,” katanya.

■ Lihat muka 4

## Saya serah kepada PM — Daim

UM - 6 JUN 2000  
Bulan lepas, Dr. Mahathir Mohamad pernah berkata, “saya telah mula mengakui kami (beliau dan Daim) tidak selalunya sependapat, tetapi pada akhirnya mencapai persetujuan bersama bagi kepentingan negara ini.”

Dr. Mahathir juga menafikan wujudnya ketegangan dengan Daim mengenai pelantikan Gabenor Bank Negara yang baru.

Para penganalisis kebelakangan ini menyatakan bahawa khabar angin mengenai kemungkinan Daim meletak jawatan Menteri Kewangan telah mengakibatkan arah aliran lesu di pasaran saham tempatan sejak beberapa minggu lepas walaupun Malaysia telah dimasukkan semula ke dalam Indeks Morgan Stanley Capital International (MSCI).

Apabila Daim dilantik sebagai Menteri Tugas-Tugas Khas selepas Malaysia dilanda krisis kewangan serantau lebih dua tahun lepas, beliau berkata keutamaan terdekatnya ialah untuk memulihkan ekonomi.

Beliau kemudian dilantik sebagai Menteri Kewangan Pertama dan selepas itu menjadi Menteri Kewangan.

Daim berkata, PM juga pernah memanggil beliau untuk memegang jawatan Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan ketika krisis ekonomi pada tahun 1998, dan beliau menerimanya.

Sebelum ini, Daim sering berkata akan melepaskan jawatan apabila beliau telah berjaya mengemudi ekonomi negara keluar daripada kegawatan.

Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) ditutup rendah hari ini apabila Indeks Komposit jatuh sebanyak 9.86 mata kepada 881.39.